

## **KATEGORI SEKOLAH RENDAH**

### **PROJEK 1**

**NAMA SEKOLAH** : SK Sungai Mas, Kuantan

**TAJUK INOVASI** : Tasbih 18

**PENCAPAIAN** : JOHAN Hari Inovasi 2015

### **LATAR BELAKANG PROJEK:**

Idea ini terhasil bagi membantu murid pemulihan menambah dan menolak hingga 100 selain bertujuan untuk mempelbagai bahan bantu pelajar yang boleh diguna pakai sendiri oleh murid.

### **PUNCA UTAMA MASALAH:**

1. Murid mengalami masalah untuk menambah dan menolak

### **CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF:**

Tasbih 18 adalah bahan bantu belajar untuk mata pelajaran Matematik yang diubah suai daripada biji getah memandangkan biji getah ini mudah diperoleh dalam usaha membantu murid pemulihan menyelesaikan masalah penambahan dan penolakkan.

## **PROJEK 2**

**NAMA SEKOLAH** : SK Seri Biram, Kuantan

**TAJUK INOVASI** : Teleball Magic

**PENCAPAIAN** : NAIB JOHAN Hari Inovasi 2015

### **LATAR BELAKANG PROJEK:**

Idea ini dihasilkan bagi menggunakan pelbagai deria yang melibatkan aktiviti visual, auditori dan kinestetik, meningkatkan kemahiran pedagogi guru serta merangsang minat murid dengan melakukan aktiviti luar kelas dengan selesa dan efektif.

### **PUNCA UTAMA MASALAH:**

1. Murid tidak fokus kepada pengajaran
2. Murid tidak boleh mengeja suku kata
3. Perkembangan murid yang lambat dan malu untuk berkomunikasi

### **CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF:**

Produk inovasi terdiri kepada dua jenis iaitu Telefonika sebagai gagang telefon buatan dan Permainan Best Nest sebagai set sahiba buatan. Bahan yang digunakan adalah sarang telur, bola ping pong dan paip PVC. Telefonika berfungsi dengan cara murid membaca, mendengar dan mengamati suara mereka sendiri. Permainan Best Nest pula berfungsi dengan murid menyusun huruf menjadi suku kata dan perkataan.

### **PROJEK 3**

**NAMA SEKOLAH** : SK Pandan, Kuantan

**TAJUK INOVASI** : APTIK (Alat Pembersih Tingkap dan Kipas)

**PENCAPAIAN** : TEMPAT KETIGA Hari Inovasi 2015

#### **LATAR BELAKANG PROJEK:**

Idea yang terhasil adalah untuk menyelesaikan masalah kesukaran melakukan pembersihan berikutan peralatan yang tidak mencukupi, dan menarik minat pelajar terhadap kebersihan.

#### **PUNCA UTAMA MASALAH:**

1. Kerja pembersihan mengambil masa yang lama untuk dilakukan
2. Pembersihan tempat tinggi seperti kipas dan syiling sukar dilakukan

#### **CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF:**

APTIK merupakan satu produk inovasi bagi membantu proses pembersihan di dalam dan di luar kelas dan hanya menggunakan bahan yang senang didapati seperti span, dawai serta pemegang dan brek basikal.